

HOVID VENTAMOL INHALER

Salbutamol (100mg / semburan)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hovid Ventamol Inhaler
2. Bagaimana Hovid Ventamol Inhaler berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hovid Ventamol Inhaler
4. Cara menggunakan Hovid Ventamol Inhaler
5. Semasa menggunakan Hovid Ventamol Inhaler
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Ventamol Inhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hovid Ventamol Inhaler

Hovid Ventamol Inhaler digunakan untuk merawat dan mencegah masalah pernafasan seperti asma, bronkitis kronik (radang saluran udara), *emphysema* (sejenis penyakit paru-paru) dan sesak nafas secara tiba-tiba.

Bagaimana Hovid Ventamol Inhaler berfungsi

Produk ini mengandungi bahan aktif salbutamol sulphate yang merupakan sejenis bronkodilator. Ia berfungsi dengan mengendurkan otot-otot paru-paru dan mempermudah pernafasan.

Alat sedut ini tidak mengandungi *chlorofluorocarbon* (CFCs) yang merosakkan lapisan ozon. Bahan pengganti CFC dalam alat sedut ini adalah mesra alam dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sebelum menggunakan Hovid Ventamol Inhaler

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Hovid Ventamol Inhaler jika anda atau anak anda mempunyai alahan kepada salbutamol atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat

ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakan Hovid Ventamol Inhaler

Dapatkan nasihat doktor anda jika anda atau anak anda mempunyai / sedang:

- kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- masalah jantung
- mengalami serangan asma yang teruk

Mengandung dan menyusukan bayi

Jika anda hamil, merancang untuk hamil atau merasakan anda mungkin hamil, berbincang dengan doktor sebelum memulakan mana-mana ubat.

Alat sedut ini hanya boleh digunakan semasa kehamilan dan penyusuan jika manfaatnya lebih besar daripada risiko kepada bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makan kesihatan. Ubat-ubat yang boleh berinteraksi dengan Hovid Ventamol Inhaler adalah seperti:

- kortikosteroid (Ubat untuk mengurangkan keradangan)
- xanthines (ubat untuk merawat asma)
- diuretik (ubat untuk membuang cecair berlebihan dalam badan)

Cara menggunakan Hovid Ventamol Inhaler

Pengambilan secara sedutan sahaja. Ikuti arahan doktor dan ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada

label ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Setiap sedutan mengandungi 100 mcg salbutamol.

Dos untuk dewasa dan kanak-kanak: *Untuk melegakan serangan asma*: 1 sedutan. Boleh dinaikkan ke 2 sedutan mengikut keperluan.

Mencegah simptom yang disebabkan oleh alahan atau senaman: 2 sedutan diambil 10 – 15 minit sebelum pendedahan kepada penyebab alahan atau bersenam

Untuk rawatan berjangka panjang: 2 sedutan sebanyak 4 kali sehari.

Arahan penggunaan

Cara menyediakan alat sedut

Sebelum menggunakan alat sedut anda untuk kali pertama atau jika alat sedut anda tidak digunakan selama 5 hari atau lebih, goncangkan dan lepaskan dua semburan.

Cara menggunakan alat sedut

1. Tanggalkan penutup
2. Goncangkan alat sedut
3. Letakkan jari telunjuk pada kanister dan ibu jari di bawah alat sedut
4. Duduk atau berdiri dengan tegak
5. Hembuskan nafas sepenuhnya
6. Masukkan alat sedut ke dalam mulut anda dan rapatkan bibir anda ke bahagian mulut alat sedut untuk memastikan ubat tidak keluar
7. Tekan kanister
8. Tarik nafas sedalam-dalamnya
9. Keluarkan alat sedut dan tahan nafas selama 10 saat atau mengikut keupayaan anda
10. Hembuskan nafas secara perlahan dan sepenuhnya
11. Ulangi langkah-langkah di atas

HOVID VENTAMOL INHALER

Salbutamol (100mg / semburan)

selepas 30 saat jika semburan kedua diperlukan.

12. Tutup penutup alat sedut

Cara membersihkan alat sedut

Alat sedut harus sentiasa dibersihkan.

1. Basuh tangan anda
2. Tanggalkan kanister aluminium dan penutup
3. Basuh bekas plastik dan penutup dengan air suam
4. JANGAN cuci kanister aluminium anda
5. Keringkan bekas plastik dan penutup di bawah cahaya matahari atau angin
6. Pasang semula kanister dan penutup setelah kering

- Bila perlu digunakan

Sedut sehingga 4 kali sehari atau gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Hovid Ventamol Inhaler mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah diambil. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan

ketidakelesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan masalah kekurangan kalium dan meningkatkan berlakunya kesan sampingan.

Semasa menggunakan Hovid Ventamol Inhaler

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hovid Ventamol Inhaler.
- Maklumkan doktor anda secara segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.
- Produk ini mengandungi salbutamol sulphate. Jangan ambil ubat ini dengan ubat-ubatan lain yang mengandungi salbutamol pada masa yang sama.
- Jangan ambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Hovid Ventamol Inhaler kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Alat sedut ini tidak seharusnya digunakan sebagai pilihan utama untuk merawat asma yang teruk atau tidak terkawal. Anda perlu berjumpa doktor anda dan menyelaraskan dos anda mengikut nasihat doktor.

Kesan setiap sedutan salbutamol sepatutnya bertahan sekurang-kurangnya selama empat jam.

Penggunaan yang meningkat menunjukkan asma atau keadaan anda sudah tidak terkawal. Sila berjumpa dengan doktor anda secepat mungkin.

Jika anda mengalami gangguan pernafasan atau sesak nafas yang semakin teruk, sila berjumpa doktor anda dengan segera.

Doktor anda akan memantau tahap kalium dalam badan anda semasa menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hovid Ventamol Inhaler boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang biasa: menggeletar, sakit kepala, degupan jantung yang lebih cepat dari biasa.

Kesan sampingan yang tidak biasa: perasaan debaran jantung yang laju, kerengsaan mulut dan tekak, kekejangan otot.

Kesan sampingan yang jarang: kekurangan kalium dalam badan, peningkatan aliran darah ke kaki dan tangan.

Kesan sampingan yang sangat jarang: alahan, menjadi lebih aktif, ritma jantung yang tidak teratur, semput meneruk selepas penggunaan alat sedut.

Kesan sampingan (kekerapan tidak dapat dianggarkan): Sakit dada yang dikaitkan dengan masalah jantung.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

HOVID VENTAMOL INHALER

Salbutamol (100mg / semburan)

Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Ventamol Inhaler

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan Hovid Ventamol Inhaler selepas tarikh luput yang dipaparkan di atas bungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir pada bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya matahari dan suhu beku.

Jika alat sedut jadi sejuk, tanggalkan kanister dari bekas dan panaskan kanister dengan tangan anda sebelum menggunakannya. Jangan menggunakan cara-cara lain untuk memanaskan alat sedut.

- Pelupusan

Ubat-ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Kanister ini bertekanan tinggi. Jangan tusuk, pecah atau bakar kanister ini walaupun ia kelihatan kosong.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

10 mL larutan berwarna putih dalam bekas aerosol aluminium dan mempunyai 200 dos dalam setiap kanister. Alat sedut mempunyai bekas berwarna biru dan penutup biru gelap.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Salbutamol sulphate

- Bahan tidak aktif

- Oleic Acid, 1,1,1,2-Tetrafluoroethane (HFA 134a), Ethanol Absolute

- Nombor MAL

MAL09122778ACZ

Pengilang

Laboratrio Aldo-Union S.L.
Baronesa de Malda, 73
08950 Esplugues de Llobregat
Barcelona, Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh,
Perak, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

29/03/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)290324/00049